

RINGKASAN MESYUARAT JURUTERA AWAM TAHUN 2017

MAKLUMAT PESERTA MESYUARAT JURUTERA AWAM TAHUN 2017

TEMA : *MANAGING PERCEPTION*

KEHADIRAN PESERTA :

JAWATAN	BILANGAN PEGAWAI	PERATUS (%)
J41	90	60
J44	71	
J48	44	16
J52	9	3
J54	20	7
JUSA C	29	11
JUSA B	3	1
JUSA A	2	1
TURUS 3	1	1
JUMLAH	269	100

MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT JURUTERA AWAM JKR MALAYSIA 2017

Ucapan Aluan oleh Ketua Disiplin Awam, YBrs. Ir. Hj. Zulakmal bin Hj. Sufian. Antara intipati ucapan Ketua Disiplin Awam ;

- 1) Jurutera Profesional - Memberi penekanan kelayakan Jurutera Profesional dengan mensasarkan 190 orang memperoleh kelayakan tersebut setiap tahun bagi mengekalkan sasaran 55% nisbah Jurutera Profesional.
- 2) Program Pensijilan Jurutera Awam - Program Pensijilan Jurutera Awam JKR dimulakan pada tahun 2014 oleh Cawangan Kejuruteraan Awam, Struktur dan Jambatan dan hanya melibatkan kompetensi *Structural Engineering (Building)* dan *Civil Works Engineering*. Bagi tahun 2017, sebanyak 13 program pensijilan ditawarkan dan seramai 126 orang Jurutera Awam telah diiktiraf kompeten.
- 3) *Fast Track* dan *Subject Matter Expert (SME)* - Pegawai dapat melalui kenaikan pangkat tanpa terikat kepada keperluan kekosongan jawatan seperti mana kaedah biasa.
- 4) Polisi Perolehan Hijau Kerajaan atau Government Green Procurement (GGP) - Melaksanakan Polisi Perolehan Hijau Kerajaan atau Government Green Procurement (GGP) untuk memastikan 20% perolehan hijau pada tahun 2020 seperti digariskan di dalam Rancangan Malaysia Ke-11.
- 5) Jurutera Awam perlu merangka strategi dan memperluaskan pembangunan dan penyenggaraan mampan bagi infrastruktur bangunan dan jalanraya seperti;
 - a) Pelaksanaan Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) yang menggalakkan kecekapan dalam metodologi pembinaan dan pengurangan kos seperti *Industrialized Building Systems (IBS)*;
 - b) Aplikasi pembinaan menggunakan teknologi *Cold-in-Place Recycling (CIPR)* dan *Cuplump Modified Asphalt (CMA)* secara menyeluruh bagi penyenggaraan dan pembinaan jalanraya; dan
 - c) Penggunaan *Green Product Scoring System (GPSS)* untuk mengukur peratusan produk hijau yang digunakan dalam projek infrastruktur.
- 6) Penggunaan teknologi dan data secara digital - Peranan teknologi terbukti dapat menyampaikan, menyelenggara dan mengendalikan infrastruktur serta perlu disokong dengan penggunaan perisian kejuruteraan awam yang terkini untuk memudahkan urusan rekabentuk, pengumpulan data, perancangan, penilaian dan peruntukan.

RINGKASAN MESYUARAT JURUTERA AWAM TAHUN 2017

- 7) Jurutera Awam perlu kekal bersemangat meningkatkan kompetensi dan mengekalkan rentak kecemerlangan prestasi kerja dalam meneruskan kesinambungan perkhidmatan serta tadbir urus yang berkesan kepada stakeholders dan pelanggan jabatan.
- 8) Menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada Mantan Ketua Disiplin Awam yang terdahulu iaitu Yang Berbahagia Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz bin Osman di atas kecemerlangan mengemudi Disiplin Awam sebelum ini.

TAJUK : *MANAGING PERCEPTION* DAN MITOS VS REALITI
PENCERAMAH : DR. ROSNIZA AZNIE, FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1. Menekankan kepentingan pengurusan persepsi di dalam sesebuah organisasi.
2. Faktor yang meleraikan persepsi seseorang perlu diketahui dan tindakan yang sesuai perlu dibuat/diambilkira bagi mencerminkan realiti sebenar sesebuah organisasi. Contoh faktor mempengaruhi seperti :
 - a) latarbelakang budaya
 - b) nilai peribadi
 - c) pengalaman hidup
 - d) personaliti
 - e) kemahiran sosial
 - f) gaya dan pendekatan
3. Panduan mengurus persepsi adalah :
 - a) Ketahui kesan terhadap orang lain
 - b) Belajar mentafsir *body language*
 - c) Galakkan maklumbalas daripada orang yang menilai
 - d) Izinkan orang lain buat pilihan mereka
 - e) Beri masa yang mencukupi untuk diri sendiri mengambil tindakan atas aduan yang dibuat
 - f) Konsisten, sabar dan memaafkan

TAJUK : MENANGANI PERSEPSI MASYARAKAT DARI SUDUT ISLAM
PENCERAMAH : USTAZ FAKHRURRAZI BIN YUSOF, PENCERAMAH PEJABAT
KHADI DAERAH JOHOR BAHRU

1. Menjelaskan amanah dan tanggungjawab yang perlu digalas oleh setiap orang Islam di mana jika amanah dan tanggungjawab tersebut dijaga dengan betul, persepsi masyarakat akan mencerminkan ke arah kebaikan.
2. Cara menangani persepsi masyarakat (berpegang teguh kepada kebenaran dan kejujuran)
 - a) Memberi penjelasan (tabayun)
 - b) Melakukan secara bersungguh-sungguh
 - c) Istiqamah (melakukakan secara berterusan)
 - d) Mengelakkan keraguan
 - e) Tidak mengambil kesempatan
 - f) Keberanian menanggung risiko
3. Akhlak yang baik perlu wujud semasa berkhidmat adalah :
 - a) Menghargai masa
 - b) Ketekunan membawa kejayaan
 - c) Keseronokan bekerja
 - d) Kemuliaan kesederhanaan
 - e) Ketinggian peribadi
 - f) Kekuatan sifat baik hati
 - g) Pengaruh teladan
 - h) Kewajipan menjalankan tugas.
 - i) Kebijaksanaan berhemat
 - j) Keutamaan kesabaran
 - k) Peningkatan bakat
 - l) Nikmat mencipta.
 - m) Tanggapan luaran tidak semestinya mencerminkan diri seseorang.
4. Kisah-kisah di zaman Rasulullah perlu menjadi panduan dalam pengurusan persepsi kerana ia merupakan tauladan yang baik perlu dilaksanakan oleh setiap Umat Islam. Ini adalah kerana secara tidak langsung persepsi baik Jabatan wujud di kaca mata orang ramai.

TAJUK : DASAR TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50)

PENCERAMAH : PN. FADILAH BINTI AHMAD, TIMBALAN PENGARAH BELIA, JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI JOHOR

1. Transformasi Nasional 2050 (TN50) dilancarkan bertujuan memeta halatuju Negara di atas kanvas yang baharu di mana ianya merupakan inisiatif jangka panjang untuk membentuk aspirasi Malaysia dari suara rakyat sendiri.
2. TN50 bermula dengan dialog bersama orang ramai (belia, kementerian/agensi) disusuli analisis terperinci sebelum penerbitan dokumen akhir.
3. Empat fasa yang akan dilalui dalam merangka dokumen akhir TN50 (Laporan Belia TN50 – akhir tahun 2017);
 - a) Tema dan aspirasi utama TN50 – Memahami persepsi serta pandangan belia terhadap tema dan sub-tema TN50.
 - b) Bidang keutamaan TN50 - Memperhalusi dan memperjelaskan tema-tema/aspek transformasi utama
 - c) Penzahiran aspirasi yang lebih jelas dan mendalam serta cadangan maklumbalas/tindakan berdasarkan tema - Membina dapatan-dapatan terperinci untuk aspek-aspek transformasi tertentu dengan menghimpunkan kumpulan-kumpulan kecil (TN50 Circles) dan memberikan input berhubung tindakan segera yang diperlukan sebelum pelancaran.
 - d) Laporan belia TN50 serta pelancaran inisiatif (pilot) - Memberikan laporan berhubung hasil dapatan utama sepanjang tempoh 2017
5. Antara aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk tahun 2017 ialah sesi taklimat umum / *townhall* (peringkat Negeri, Daerah) bual bicara TN50, kaji selidik online, perbincangan kumpulan fokus, dan *circles of future*.
6. Penglibatan agensi kerajaan amat dialu – alukan dengan mengadakan program dan dialog. Sekretariat TN50 akan menyediakan bantuan seperti template, bahan penjenamaan, topik cadangan dan program *outreach* atau penglibatan dengan belia umum.

TAJUK : PERANAN DAN PENGARUH MEDIA SOSIAL – JKR WAY
PENCERAMAH : EN. MOHD RAZALI BIN DERAHMAN, BAHAGIAN
KOMUNIKASI KORPORAT, CDPK

1. Terdapat 5 saluran utama untuk tujuan promosi;
 - a) *Facebook* – menyiarkan berita dan bahan *educative*, membuat promosi perkhidmatan yang telah dilaksanakan
 - b) *Youtube* – kongsi video yang dihasilkan dan hebahan dibuat melalui *Facebook*, *Twitter* dan Blog JKR
 - c) *Twitter* - makluman segera aktiviti dan pandangan bagi menguasai persepsi semasa
 - d) *Instagram* – kurang digunapakai oleh JKR
 - e) *WordPress* – Blog Rasmi JKR bagi muatnaik *Expert Materials* iaitu kupasan teknikal untuk menarik golongan intelek dan professional
2. DS KPKR maklum YAB PM menyatakan JKR (Jabatan) dan KKR (Kementerian) antara yang aktif dalam media sosial dan perkara tersebut harus diteruskan.
3. Antara perkara yang diberi penekanan untuk tujuan promosi seperti berita mengenai bencana, projek touchpoint, bahan *educative* (infografik), dan peristiwa.
4. Perancangan pelaksanaan promosi yang dirangka adalah melibatkan 5 fasa iaitu;
 - a) Fasa 1 Tahun 2015 – tindakan dilaksanakan secara in house
 - b) Fasa 2 Tahun 2016 – bersama Jawatankuasa Promosi JKR HQ
 - c) Fasa 3 Tahun 2017 – penglibatan Jawatankuasa Promosi di peringkat JKR Negeri dan Daerah
 - d) Fasa 4 Tahun 2018 – bekerjasama dengan agensi swasta
 - e) Fasa 5 Tahun 2019 – melangkaui sempadan ke peringkat antarabangsa
5. Terdapat 2 medium baru yang perlu diketengahkan untuk tujuan promosi JKR iaitu mewujudkan **Rakan JKR** dan **flipbook** yang mana merupakan media baru untuk kongsi detik dan pengalaman serta bahan – bahan promosi yang berbentuk ilmiah.

SESI FORUM

**TAJUK : PERSEPSI TERHADAP JKR DARI KACA MATA AGENSI
PUSAT DAN PELANGGAN**

1. Sesi forum yang dikemudikan oleh Ir. Azizul bin Arifin (Pengarah Cawangan Senggara Fasiiti Bangunan) dan panel jemputan forum tersebut terdiri daripada agensi yang terlibat secara langsung dengan JKR iaitu YBhg Dato' Allauddin bin Hj. Anuar (TKP Sektor, Unit Perancangan Ekonomi (EPU), JPM), YBr. Tuan Abdul Haris Bin Haji Lakar (TKSU Pembangunan, Kementerian Pengangkutan) dan YBhg. Dato' Mohd Shafiq bin Abdullah (TKSU Kewangan, Kementerian Kesihatan).
 2. Forum mengupas persepsi dan pandangan luar dari kementerian lain terhadap JKR sebagai agensi teknikal Kerajaan.
 3. Dalam menangani persepsi, sesebuah Jabatan perlu bersedia menangani perkara yang tidak tepat dengan cepat dan cekap. Ini adalah kerana ia lebih senang menular di dalam media sosial. JKR perlu menukar persepsi mereka dengan memberi penerangan keadaan sebenar dan berintegriti. Rekod dan bukti perlu ada dan disimpan rapi untuk digunakan di mana ia amat membantu dalam menangani persepsi negatif tersebut. Kerjasama Kementerian dan Jabatan diperlukan agar persepsi negatif ini dapat dikawal.
 4. Titik sefahaman antara Kementerian dan JKR perlu wujud di dalam setiap pelaksanaan projek, mengatasi persepsi negatif orang ramai kepada Kerajaan dan sebagainya. Titik sefahaman ini boleh diwujudkan dengan kerjasama yang pro-aktif JKR dan Kementerian yang terlibat. Bagi mengelak berlakunya persepsi negatif di antara Jabatan dan kementerian beberapa perkara boleh dilaksanakan seperti:
 - a) mengenalpasti dan melengkapkan *need statement*
 - b) merancang dengan baik
 - c) membantu mengenalpasti *communication line* yang berkesan antara pelanggan dan agensi pelaksana
 - d) melaksanakan kerja mengikut kos, kualiti dan masa yang telah ditetapkan
2. Kementerian menekankan penting setiap pegawai di Jabatan meningkatkan:
- a) *interpersonal skill*
 - b) *relationship management skill*
 - c) *leadership skill*
 - d) pelaksanaan kerja perlu dilaksanakan secara berpasukan

5. Kementerian mengharapkan JKR mengamalkan *change management* bagi mengurangkan berlakunya konflik antara pegawai disebabkan oleh professional ego yang mana boleh mewujudkan halangan (barrier) antara pegawai. Selain itu, JKR juga perlu bekerja secara berpasukan, mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup dan berfikiran luas. *Technology management* juga perlu diterapkan kepada semua pegawai JKR seperti penggunaan aplikasi BIM, perisian dan sebagainya.
6. Selain itu, setiap pegawai mestilah mempunyai kepakaran yang mencukupi dan *bring up expertise to higher level*. Dengan adanya kepakaran ini, kesilapan dan kesalahan yang berulang dapat diatasi dan memberikan persepsi yang lebih baik terhadap Jabatan. *Feasibility study* juga perlu dilakukan dahulu sebelum sesuatu projek dijalankan supaya anggaran kos projek adalah lebih tepat.

TAJUK : KES-KES JABATAN AUDIT NEGARA YANG MELIBATKAN TINDAKAN TATATERTIB: JERANGKAP SAMAR
PENCERAMAH : Ir. DR. HANNERITA BINTI MOHD ZAINAL, BAHAGIAN AUDIT & INTEGRITI, CDPK

1. Penerangan berkaitan Carta Alir Proses Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) di KKR.
2. Rumusan berdasarkan LKAN 2010 – 2015 menunjukkan terdapat 14 teguran berulang yang disenaraikan seperti berikut:
 - a) Spesifikasi dan kualiti kerja
 - Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi dan Kualiti Kerja yang Lemah
 - b) Dokumen kontrak
 - Dokumen tidak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh SST
 - c) Bon pelaksanaan
 - tidak membuat lanjutan Bon Pelaksanaan selepas EOT diluluskan dan tidak luput sebelum CMGD dikeluarkan
 - d) Polisi insurans
 - memastikan polisi dilanjutkan selepas kelulusan EOT
 - e) Lanjutan Masa (EOT)
 - lanjutan masa selepas CPC dikeluarkan
 - f) Arahan perubahan kerja
 - Arahan dikeluarkan oleh pegawai yang tidak mempunyai kuasa dalam kontrak
 - g) Wang pendahuluan
 - Tempoh sah laku jaminan yang silap/telah tamat tempoh
 - h) Rundingan harga
 - Kelewatan memuktamadkan rundingan harga dari tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan kelewatan pelaksanaan projek.
 - i) Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)
 - CPC tidak boleh dikeluarkan sebelum CCC selaras dengan Akta sediaada.

- j) Lukisan Siap Bina
 - kegagalan menyerahkan lukisan siap bina dalam tempoh yang ditetapkan
 - k) Perolehan Kemudahan Khidmat Pengangkutan dan Peralatan (JKPMK)
 - kelulusan JKPMK tidak diperolehi sebelum melaksanakan perolehan
 - l) Kos item kerja awalan yang ditetapkan dalam kontrak
 - Kontraktor tidak memperincikan kos bagi semua item dalam kerja awalan
 - m) Kaedah pembayaran interim kerja awalan
 - Tidak menetapkan kaedah pembayaran yang terbaik untuk kerja awalan
 - n) Pelanjutan tempoh tanggungan kecacatan (DLP)
 - kontraktor gagal memperbaiki kecacatan dalam tempoh DLP yang ditetapkan
3. 6 strategi pemulihan telah ditetapkan untuk memantapkan pelaksanaan projek iaitu;
- a) HOPT sebagai *Lead Planner*
 - b) Arkitek sebagai *Lead Designer*
 - c) Memantap kompetensi pegawai JKR
 - d) Memantapkan pengetahuan pegawai terhadap arahan dan peraturan sediaada
 - e) Menyeragam kaedah pelaksanaan
 - f) Penilaian prestasi kontraktor dan perunding

SESI TOWNHALL

**TAJUK : SESI TOWNHALL BERSAMA YANG BERBAHAGIA DATO' SRI
KPKR DAN KETUA DISIPLIN AWAM**

1. Pembentangan oleh wakil J41, J44 dan J48 berkaitan peranan dan cabaran Jurutera Awam di JKR menuju aspirasi TN50 (tahun 2050). Pembentangan telah dibahagikan kepada 3 topik seperti di bawah:
 - i) Tajuk : Peranan Jurutera Awam Menjelang 2050
Pembentang : Zulfaiz Fikri Bin Mohd Karib, Jurutera Awam J41,
Caw. Kejuruteraan Cerun
 - ii) Tajuk : Kompetensi yang Diperlukan Menjelang 2050
Pembentang : Ir. Mohamad Farid Bin Rosli, Jurutera Awam J44
JKR (D) Kuala Selangor
 - iii) Tajuk : Penambahbaikan Laluan Kerjaya Menjelang 2050
Pembentang : Siti Khadijah binti Othman, Jurutera Awam Kanan J48
2. Antara cadangan dan pandangan yang dilontarkan pada sesi tersebut:
 - a) Memperkasakan penggunaan dan pendedahan teknologi baru yang boleh diguna pakai di dalam implementasi projek. (Cth : 3D printing, Drone, Robot)
 - b) Memperbanyakkan program-program *cross-fertilization* dengan pihak industri untuk mendedahkan jurutera awam dengan lebih meluas terhadap teknologi baru dan cara kerja di industri.
 - c) Peralihan daripada *Web base* kepada *Apps base* terutamanya bagi sistem-sistem yang dijadikan *reference* Jabatan sebagai contoh Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) dan SKALA.
 - d) Bidang-bidang kompetensi baru perlu dipelopori oleh Jurutera Awam JKR (Cth: *Heritage Maintenance, underground and tunneling*)
 - e) JKR perlu merangka strategi bagi mencapai status pusat rujukan teknikal utama bukan sahaja di Malaysia malahan ke peringkat Asia Tenggara, Asia dan seterusnya di peringkat dunia.

RINGKASAN MESYUARAT JURUTERA AWAM TAHUN 2017

f) Hasil kajian, produk dari hasil inovasi dan ciptaan baru yang telah dipamerkan/diketengahkan di dalam KIK JKR perlu dikomersialkan dan dipatenkan.

g) Penyelia perlu memainkan peranan dalam membantu dan menggalakkan kakitangan di bawah tanggungjawab mereka untuk berusaha mendapatkan status jurutera profesional demi peningkatan kerjaya profesional kakitangan berkenaan dan seterusnya dapat meningkatkan imej Jabatan.

h) Memberi ruang dan peluang kepada Jurutera J41/J44 untuk melontarkan pendapat dan idea-idea baru untuk menyelesaikan sesuatu masalah dan tidak memberi alasan diarahkan melakukan sesuatu hanya dengan alasan ia memang telah dijalankan sejak dahulu lagi.

RINGKASAN MESYUARAT JURUTERA AWAM TAHUN 2017

MAJLIS PERASMIAN PENUTUP MESYUARAT JURUTERA AWAM JKR MALAYSIA 2017

Ucapan Penutup oleh Yang Berbahagia Dato' Sri Roslan bin Md Taha, Ketua Pengarah Kerja Raya. Antara intipati ucapan Yang Berbahagia Dato' Sri KPKR adalah ;

- 1) Peserta mesyuarat - Majoritinya terdiri daripada jurutera awam gred 41 & 44 serta gred 48 yang baru dinaikkan pangkat bagi membolehkan bersama-sama menjana idea dalam usaha melahirkan jurutera awam generasi pelapis yang akan memimpin Jabatan pada masa akan datang.
- 2) Cabaran Dalam *Managing Perception* - Penggunaan ICT yang meluas dalam sistem penyampaian Kerajaan memudahkan sesebuah organisasi seperti JKR membangunkan laman sesawang, blog, *facebook*, *twitter* dan lain-lain medium. Ini membolehkan penyebaran maklumat yang tepat dan pantas kepada masyarakat mengenai berita terkini serta fungsi-fungsi utama berkaitan Jabatan.
- 3) Mempromosikan Kejayaan JKR - Mempromosikan kisah-kisah kejayaan (success stories) JKR dalam pelaksanaan projek infrastruktur di negara di media utama, media elektronik dan media sosial agar ianya dapat memberikan impak positif terhadap JKR.
- 4) Jurutera Awam perlu bersikap terbuka dengan pembaharuan dan sentiasa mencari idea baru serta inovatif demi untuk meningkatkan sistem penyampaian jabatan. Selain itu, pegawai juga perlu meningkatkan ciri-ciri kecemerlangan seperti kompetensi teknikal yang mantap, bijak berkomunikasi, berkeyakinan, berintegriti, rendah hati, tabah dan sahsiah yang baik.
- 5) Kenapa Kita Perlu Berubah? – Jurutera Awam perlu berubah dan menguruskan perubahan tersebut dengan kaedah yang tersusun untuk mengatasi pelbagai persepsi negatif yang telah dilemparkan kepada Jabatan.
- 6) Prinsip Kepantasan Bertindak – Perlu ada sikap “sense of urgency” di dalam menjalankan amanah yang diberikan selaras dengan Slogan **CTI – Cepat, Tepat & Integriti** seperti yang sering ditekankan oleh TS KSN.
- 7) Integriti dan Akauntabiliti – Perlu bekerja dengan penuh amanah berlandaskan kepada tatacara yang telah ditetapkan oleh arahan pentadbiran dan pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan supaya memberikan manfaat kepada rakyat yang sentiasa mengharapkan yang terbaik.
- 8) Generasi Pelapis – Pelan penggantian yang tersusun dan jelas untuk mengambil alih tampuk kepimpinan jabatan.